KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	31.03.22	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	YHM			

HM 310322

UiTM sasar tanam 200,000 pokok

Shah Alam: Universiti Teknologi Mara (UiTM) menyasarkan 200,000 pokok ditanam di semua 35 kampus universiti sebagai tanda sokongan kepada Program Penghijauan Malaysia : Penanaman 100 juta pokok.

Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Roziah Mohd Janor berkata, program penanaman pokok dimulakan universiti itu sejak tahun lalu dan dilancarkan secara rasmi di 13 kampus utama semalam.

"Setiap tahun, kami cuba menyumbangkan 200,000 pokok di seluruh sistem (kampus) termasuk mengambil pendekatan *one visitor one tree* sebagai usaha menyokong program penanaman 100 juta pokok yang dilaksanakan kerajaan.

"Saya juga tanam 35 pokok menerusi lawatan ke kampus UiTM dalam tempoh 200 hari selepas menjadi Naib Canselor universiti ini.

"Bagaimanapun, penanaman pokok mengikut landskap kampus kerana setiap cawangan UiTM mempunyai landskap tersendiri. Justeru pokok ditanam mengikut konsep landskap kampus terbabit," katanya selepas Majlis Pelancaran Program *One to One Tree* serta Menandatangi Memorandum Persefahaman (MoU) antara Yayasan Hijau Malaysia (YHM) dan UiTM di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Mohd Ridza Awang dan Ketua Pegawai Eksekutif YHM, Amin Abdullah.

Sementara itu, Takiyuddin dalam ucapannya memaklumkan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang dilaksanakan kementerianya merekodkan penanaman 27.87 juta pokok merangkumi lebih 1,000 spesis di seluruh negara.

"Pada tahun ini, kami sasar menanam 20 juta pokok dan pencapaian kempen ini boleh diakses secara terus melalui aplikasi mudah alih Penghijauan Malaysia dan juga laman sesawang www.100jutapokok.gov.my," katanya.



TAKIYUDDIN menyiram pokok disaksikan Dr Roziah (kanan) pada Pelancaran Program One To One Tree di UiTM Shah Alam.